
Universiti Kebangsaan Malaysia

SENADA

September - Disember 2018 | Isu 408 | ISSN0127-1741



"Dimana Peraturan Undang-Undang?" - Syarahan Canselor Tuanku Muhriz ke-3

Isi KANDUNGAN

Syarahan Canselor Tuanku Muhriz
Pematuhan dan Pelaksanaan Undang-Undang perlu dilaksanakan oleh Legislatif 4

Naib Canselor UKM
Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd. Shukor
Naib Canselor UKM Baharu mulai 1 Januari 2019 6

Kedudukan UKM
UKM Tangga ke-4 di Asia Tenggara 8

Jalinan Strategik
Celcom Axiata Sumbang Kemudahan kepada Komuniti Orang Asli Tasik Chini 9

Majlis Konvokesyen ke-46 UKM
Dukung Perjuangan Asal Penubuhan UKM - Canselor UKM 10

7,021 Graduan Bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UKM ke-46 11

Waris Anak Orang Asli Temuan, Penduduk Asal Tapak UKM Berhasrat Meneruskan Pelajaran ke Peringkat ACCA 12

Pendaftaran Pelajar Baharu UKM
UKM Pilihan Pelajar Terbaik STPM Kategori OKU 13

Jaringan Strategik
UKM Miliki Pusat Perniagaan dan Ekonomi Digital Terkemuka di Asia dan Antarabangsa 14

Sumbangan Zakat
HCTM Terima RM1.25 juta daripada Lembaga Zakat Selangor 15

Penyelidikan Terkehadapan
Penyelidik UKM Temui Rangka Manusia Prasejarah 16

ASEAN@UKM
UKM Bersama 50 Pemimpin Belia ASEAN Kongsi Idea 18

Kejayaan Akademik
Pakar Ortopedik UKM Menang Pingat Emas di China 20

Kejayaan Pelajar
Pelajar FSSK UKM Juara Maxis, Stars of What's Next 21

UKM@Media 22

Pengurusan Universiti

Naib Canselor
Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali

Timbalan-timbalan Naib Canselor
Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Marzuki Mustafa
(Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah
(Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat)

Prof. Dr. Hj. Mohd Ekhwan Hj. Toriman
(Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi)

Prof. Madya Dr. Roslee Rajikan
(Hal-ehwal Pelajar & Alumni)

Pengarah Eksekutif (Pentadbiran)
Abd. Razak Hussin

Pemangku Pengarah Eksekutif (Kewangan)
Mokshin Hj. Tumin

Ketua Pustakawan
Wan Suhaimi Ariffin

Editorial
Dr. Sabariah Mohamed Salleh • Ketua Editor
Dr. Mohd. Helmi Ali • Timbalan Ketua Editor
Saipulizam Abd. Ghani • Timbalan Ketua Editor
Nur Syafawati Mohd Kahar • Penolong Editor
Nastura Nasir • Penolong Editor Resonance
Asmahanim Amir • Penulis

Pengeluaran
Mohd. Noor Ramly • Senada elektronik
Khalid Hashim • Pereka
Sharmiza Zan • Pereka
Unit Foto PKK • Fotografi
PKK • Pengedaran

SENADA elektronik boleh dicapai di:
http://www.ukm.my/pkk/publication-category/Senada

Sidang Pengarang SENADA amat mengalu-alukan sumbangan daripada fakulti/institut/pusat/bahagian untuk diterbitkan pada ruangan tetap, berita semasa mahupun rencana yang berkaitan dengan urusan keilmuan atau aktiviti universiti. Sila hantarkan bahan tersebut kepada:

Ketua Editor SENADA
Pusat Komunikasi Korporat (PKK)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-89215540 / 3544
Faks: 03-8921 4097
E-mel: pkk@ukm.edu.my

Mutiara Kata
NAIB CANSELOR

Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali



Saya bersyukur diberi peluang menyaksikan UKM dari pebagai sudut, mendengar rentak tarinya dan menyaksikan gerak aksinya, termasuk diri saya sendiri yang mungkin lebih jelas dari cerminan orang lain.

Menyelinap kembali kisah penubuhan UKM, jiwanya, sejarahnya, harapannya, mandatnya memang meremang rasanya. Kita semua amat bertuah kerana bergelar Warga UKM, warga universiti keramat. Kita semua terpilih untuk memikul amanah dan harapan yang sangat besar.

Apa jua peranan kita dalam universiti ini sebagai akademia, pentadbir, pelaksana, pelajar, alumni, kita semua berpaut kepada satu sejarah penubuhan yang sama. Kita semua ada tanggungjawab masing-masing. Setiap kita ada kerjaya dan cita-cita serta kehidupan yang ingin dibina. Ada ukuran prestasi dan ukuran keberkesanannya. Namun disebalik usaha-usaha ini kita semua warga sebuah universiti yang jiwanya begitu unik dan berharga.

Kita kini akan melangkah ke tahun 2019. Pada tahun 2020 nanti, UKM akan menyambut ulang tahun Jubli Emas penubuhannya. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan menggalakkan penglibatan semua pusat tanggungjawab bagi memupuk kesedaran untuk lebih sayangkan UKM. Sikap dan semangat ini perlu ada sebagai warga UKM agar kita lebih menghargai dan akan terus menyumbang kepada universiti rakyat ini. Kita sejelekit, bersatu dan memberi yang terbaik kerana kita warga institusi yang luar biasa.

Kecemerlangan yang dilakar semenjak penubuhannya, graduan hebat yang dilahirkan mencecah 200,000 orang pada tahun 2020, kedudukan dalam kategori satu peratus (1%) universiti teratas dunia dan penganjuran pelbagai program penyelidikan dan kemasyarakatan di seluruh negara dan ASEAN, serta rangkaian jaringan industri dan global yang meluas sehingga ke benua Amerika Latin, menjadikan UKM sebuah universiti kebangsaan yang hebat dan dekat dengan semua.

Sepanjang 5 tahun mengemudi UKM bukanlah tugas yang mudah. Pelbagai cabaran yang perlu dilalui bagi memastikan universiti amanah rakyat ini terus cemerlang dan terus mendahului.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih, kerana telah memberi saya peluang dan ruang untuk berbakti kepada universiti yang hebat ini. Saya akui, pelbagai rintangan harus ditempuh tetapi ia merupakan pengalaman yang hebat di dalam hidup saya. Sepanjang memikul tanggungjawab ini, saya telah memberikan yang terbaik dan saya percaya bahawa UKM kini berada dalam kedudukan yang baik tetapi sudah tentu akan ada usaha untuk dipertingkatkan lagi.

Saya mohon maaf atas sebarang kekurangan dan salah silap sepanjang menjalankan tugas. Marilah kita memberi sokongan terbaik untuk kepimpinan seterusnya. Semoga UKM terus hebat dan cemerlang. Saya menyanjungi semua. Terima kasih warga UKM, semoga dirahmati Allah SWT semuanya.

UKM-Universiti Kita-Menjuarai!

Sekian, terima kasih.

Syarahan Canselor Tuanku Muhriz

Pematuhan dan Pelaksanaan Undang-Undang Perlu dilaksanakan oleh Legislatif



Kedaulatan undang-undang memerlukan pematuhan dan pelaksanaan undang-undang yang dibuat oleh legislatif dalam proses demokrasi yang bertanggungjawab. Kerajaan eksekutif harus diperintah oleh undang-undang dan tertakluk kepadanya. Lord Thomas percaya, dengan penguatkuasaan undang-undang, larangan kesahihan dan penyalahgunaan kuasa perlu difahami dengan teliti dalam penggubalan kesaksamaan undang-undang.

Manfaat kedaulatan undang-undang yang saksama akan dapat membina kemakmuran ekonomi. Ianya juga memudahkan susunan masyarakat yang baik di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, ia juga memastikan eksekutif kerajaan dipertanggungjawabkan dengan bertindak dalam kedaulatan undang-undang itu. Lord Thomas yang merupakan mantan hakim menjelaskan demikian semasa menyampaikan Syarahan Canselor Tuanku Muhriz ke-3 dengan topik "Where is the Law?", di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini.

Semasa zaman kekacauan dan perubahan zaman, Lord Thomas berfikir tentang asas kedaulatan undang-undang adalah kebebasan badan kehakiman dan hubungannya yang bergantung kepada kerajaan eksekutif. Beliau menegaskan masyarakat tidak boleh bergantung kepada badan kehakiman sendiri untuk menegakkan dan memperkuat kedaulatan undang-undang. Beliau ingin memahami apa yang boleh dilakukan dan apa yang perlu dilakukan untuk menyokong para hakim sebagai landasan kedaulatan undang-undang. Lord Thomas ingin memulakan dengan melihat institusi-institusi ini dan sumbangan yang boleh mereka lakukan untuk memerintah undang-undang dan diterapkan untuk menjadi sebahagian dari budaya harian masyarakat kini.


Di akhir syarahan tersebut, Lord Thomas membuat kesimpulan, undang-undang dan sistem kehakiman negara yang baik adalah kunci kepada negara yang makmur.





Naib Canselor UKM

Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd. Shukor Naib Canselor UKM Baharu mulai 1 Januari 2019



Mantan Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaya (UM), Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor, 47, berasal dari Muar, Johor telah dilantik sebagai Naib Canselor UKM yang baharu menggantikan Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali yang tamat tempoh pelantikan pada 31 Disember 2018. Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi dilantik selama 3 tahun mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2021. Beliau pernah menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor mulai tahun 2011 sehingga 2014.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal) dari Imperial College, London, England; Ijazah Sarjana Teknologi Pembuatan dan Pengurusan Sistem Termaju dari Universiti of Manchester Institute Science and Technology, United Kingdom dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Kyoto University, Jepun. Beliau juga adalah Profesor di Jabatan Kejuruteraan Mekanial, UM.

Pengerusi UKM, Tan Sri Abdul Wahid Omar mengucapkan tahniah di atas pelantikan Prof. Ir. Dr. Mohd. Hamdi sebagai Naib Canselor UKM dan percaya dengan kelayakan Prof. Ir Dr. Mohd Hamdi yang cemerlang dan berpengalaman luas dalam pentadbiran universiti sebelum ini akan dapat membawa perspektif baharu kepada UKM dan mempertingkatkan lagi prestasi UKM, bukan sahaja dari segi *ranking* tetapi juga dalam pembangunan modal insan, kebolehpasaran graduan dan reputasi sebagai sebuah universiti nasional. Tan Sri Abdul Wahid turut menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan atas kepimpinan beliau di UKM selama lima tahun. Beliau telah banyak menyumbang kepada kejayaan UKM. Ini termasuklah menaikkan kedudukan UKM dalam *QS World University Rankings* daripada kedudukan 269 pada tahun 2013/2014 kepada kedudukan 184 pada tahun 2018/2019.

Sementara itu, Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan turut mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan perlantikan Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi sebagai Naib Canselor UKM yang baharu. Beliau turut menyeru warga UKM untuk memberi sokongan dan kerjasama yang terbaik kepada Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi kerana kecemerlangan UKM adalah misi bersama. Diharapkan agar kepimpinan yang baharu ini akan terus membawa obor kecemerlangan UKM ke tahap yang lebih hebat dalam menjadikan UKM sebagai sebuah universiti yang dihormati kesarjanaannya. Tegasnya lagi, beliau dan rakan-rakan pengurusan akan memastikan peralihan dan kelangsungan kepimpinan itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya

"Saya percaya dengan kelayakan beliau yang cemerlang dan berpengalaman luas dalam pentadbiran universiti sebelum ini akan dapat membawa perspektif baharu kepada UKM"
– Tan Sri Abdul Wahid Omar



UKM Cemerlang

UKM Tangga ke-4 di Asia Tenggara

Menjangkau usia 50 tahun, UKM terus cemerlang apabila berada di kedudukan ke-4 universiti di Asia Tenggara dalam *QS World University Rankings 2019* yang telah diumumkan baru-baru ini. Naib Canselor UKM, Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, kejayaan itu adalah hadiah kemerdekaan Malaysia kerana penubuhan UKM adalah sebahagian daripada proses perjuangan kemerdekaan negara.

Beliau percaya dalam konteks kepimpinan, pentadbiran, pensyarah, pegawai, pelaksana dan paling penting semangat semua pelajar UKM yang begitu hebat sekali adalah penyumbang terbesar kejayaan ini. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada semua warga UKM. Ujarnya lagi, seluruh warga UKM harus menggembleng tenaga secara bersepadu dalam mencorakkan mahasiswa yang berjiwa patriotisme serta kental semangat nasionalisnya. Sebagai sebuah universiti awam, sudah menjadi tugas dan tanggungjawab UKM untuk menggalas serta menjadi nadi dan tenaga penggerak utama dalam arus pembangunan negara.

Sudah sampai masanya generasi muda hari ini terutamanya mahasiswa UKM didedahkan dengan peranan mereka sebagai mahasiswa di sebuah universiti kebangsaan dan menghayati sumbangan bermakna yang telah diukir oleh ramai tokoh terdahulu.

Celcom Axiata Sumbang Kemudahan Kepada Komuniti Orang Asli Tasik Chini



Buat julung kalinya Celcom Axiata Berhad memberi sumbangan bagi membangunkan *Sri Gumum Cyber Cube* di Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC), UKM dan bakal digunakan oleh komuniti masyarakat orang Asli Tasik Chini. Celcom turut melancarkan Pribumi Mall, sebuah portal jualan atas talian bagi memasarkan produk keluaran orang Asli selain menanam semula seribu pokok di kawasan PPTC UKM Rizab Biosfera UNESCO. Pusat ini juga bakal menyediakan kemudahan e-tuisyen dalam bidang STEM dan kelas maya fardhu ain selain sebagai pusat *Tranning of Trainers* dalam kalangan masyarakat orang Asli dalam pendidikan secara talian oleh penyelidik di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Eddin Syazlee Shith dalam ucapannya berkata, usaha yang dilakukan oleh Celcom dalam membangunkan infrastruktur komunikasi dan internet untuk memperluaskan liputan kepada masyarakat yang berada jauh di pedalaman amat dihargai. Usahasama antara Celcom dan UKM wajar diberi pujian kerana ia menjadi contoh kemampuan sebuah jalinan institusi pendidikan dan swasta melaksanakan agenda kesejahteraan masyarakat. Ia perlu diperluaskan dan akan menerima penyertaan lebih banyak daripada pihak swasta dalam menyokong usaha kerajaan untuk terus memacu negara ke arah kesejahteraan dan kesaksamaan ekonomi.

Timbalan Naib Canselor Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi UKM, Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman menjelaskan, program ini adalah cetusan idea daripada jalinan strategik antara PPTC UKM dan Celcom sebagai satu progam khidmat masyarakat bagi kedua-dua organisasi untuk masyarakat orang Asli di Tasik Chini. Kemudahan yang dibangunkan ini dapat memperkasa masyarakat orang Asli bagi membangunkan produk mereka di pasaraya digital selain menyediakan pusat latihan bagi usahawan dalam talian.

Usaha Celcom patut dicontohi dan diberi penghargaan kerana telah menyediakan kemudahan capaian 4G yang menyeluruh di kawasan Tasik Chini dalam mendigitalkan kawasan berkenaan. Kemudahan capaian 4G ini telah banyak membantu penyelidik UKM khususnya dalam pemantauan kualiti air di tujuh stesen persampelan di sekitar Tasik Chini. Prof. Dr. Mohd Ekhwan juga menambah, progam seumpama ini juga adalah satu usaha menyokong Malaysia dalam mengekalkan status *UNESCO Biospehere Reserve* sebelum penilaian tahun 2020. Satu majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UKM dan Celcom turut diadakan sempena pelancaran Pribumi Mall.



Majlis Konvokesyen ke-46 UKM

Dukung Perjuangan Asal Penubuhan UKM – Canselor UKM

Oleh Muhammad Zaim Badrul Hisham

Sesuai dengan peranan sebagai sebuah universiti kebangsaan, DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Canselor UKM, berharap setiap warga universiti secara sedar perlu mendukung perjuangan asal penubuhan UKM ini, iaitu untuk memperjuangkan aspirasi kebangsaan dan memupuk semangat kenegaraan yang kental dalam jiwa rakyat Malaysia keseluruhannya. Masyarakat dan negara meletakkan harapan yang tinggi kepada para ilmuwan dan pelajar di universiti, apatah lagi UKM, untuk menjadi penyumbang keutuhan negara ini dalam semua dimensi. Para cendekiawan perlu sentiasa bermuhasabah dan menyedari tujuan sebenar penerokaan ilmu.

Baginda bertitah demikian semasa Majlis Konvokesyen ke-46 UKM. Dalam titah ucapannya, baginda telah menzahirkan rasa gembira terhadap UKM kerana sentiasa menawarkan nilai bertahap tinggi dalam penyelidikan yang berfokus kepada cabaran dan isu semasa sama ada bersifat lokal mahupun global. Baginda turut menyatakan rasa bangga terhadap kejayaan para graduan yang telah menamatkan pengajian di UKM. Titah baginda, tidak ada yang lebih membanggakan selain melihat Alumni UKM terus peduli, berbakti dan berjasa kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat dengan penuh hikmah dan berintegriti.

Majlis Konvokesyen ke-46 UKM

7,021 Graduan Bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UKM ke-46

Oleh Engku Shariful Azni

Seramai 7,021 graduan telah bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-46, yang telah berlangsung pada 10-13 November yang lalu. Daripada jumlah itu, seramai 571 graduan Ijazah Doktor Falsafah, 2,070 graduan Ijazah Sarjana, 223 Ijazah Sarjana Kepakaran Perubatan, empat graduan Ijazah Sarjana Kepakaran Pergigian, satu Ijazah Sarjana Kepakaran Perubatan Lanjutan Dematologi, 4,069 Ijazah Sarjana Muda, 75 graduan Diploma Pascasiswazah dan lapan graduan Diploma Lanjutan telah menerima ijazah masing-masing. Pada majlis konvokesyen kali ini, UKM menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah – Kepimpinan dan Pentadbiran Awam kepada Pro-Canselor UKM, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid kerana telah banyak menyumbang kepada universiti dan negara.

Seramai lima orang mantan ahli akademik UKM turut menerima anugerah Profesor Emeritus. Mereka ialah Dato' Paduka Zakaria Stapa dalam bidang Pengajian Islam – Tasawuf, Akhlak, Mistisme, Akidah dan Pemikiran Islam, Dr. Abdul Razak Hamdan dalam bidang Kecerdasan Buatan, Dr. Normah Mohd Noor dalam bidang Kultur Tisu dan Pengkrioawetan Tumbuhan, Dato' Dr. Mohammed Embi dalam bidang Biokimia dan Datuk Dr. Sukiman Sarmani dalam bidang Kimia.

Selain itu, lima orang graduan telah terpilih untuk menerima anugerah berprestij iaitu Anugerah Pelajaran DiRaja, Anugerah Naib Canselor dan Anugerah Tun Razak. Graduan yang dianugerahkan Anugerah Pelajaran DiRaja ialah Sharifah Fatimah Syed Mahusin, graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Kepujian Cemerlang dalam bidang Pengajian Dakwah dan Kepimpinan dari Fakulti Pengajian Islam dan Jason Cheong Kah Lok, graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian Cemerlang dari Fakulti Undang-Undang. Anugerah Naib Canselor diberikan kepada Azlia Asmira Ruslee, graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian Cemerlang dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Anugerah Tun Razak pula diberikan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Cemerlang dalam bidang Kimia dari Fakulti Sains dan Teknologi, Teh Wan Lin dan Nur Laili Arba'i, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Pemakanan dengan Kepujian Cemerlang dari Fakulti Sains Kesihatan.





Majlis Konvokesyen ke-46 UKM

Waris Anak Orang Asli Penduduk Asal Tapak UKM ke ACCA

Waris anak Orang Asli Temuan yang merupakan penduduk asal tapak UKM, Nur Ilmiah Rosli telah berjaya membuktikan kesusahan hidup bukanlah penghalang kejayaan. Nur Ilmiah Rosli juga berhasrat untuk meneruskan pengajiannya peringkat *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*. Beliau yang bergraduasi bersama 7,021 graduan UKM telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perakaunan pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-46. Nur Ilmiah, orang asli yang berasal dari Kampung Sungai Buah, Dengkil ini adalah anak sulung dari lapan orang adik beradik. Bapanya bekerja sebagai pengawal keselamatan manakala ibunya pula suri rumah sepenuh masa. Menurut beliau, dorongan serta sokongan dari keluarga adalah tulang belakang kejayaan yang diperolehinya pada hari ini.

"Saya berpesan kepada diri saya dan kawan-kawan di kampung agar belajar dengan bersungguh-sungguh serta berusaha untuk meningkatkan pendidikan serta taraf hidup masyarakat orang asli."
– Nur Ilmiah Rosli

Beliau berharap agar anak muda di kampungnya tidak menjadikan kesusahan mereka sebagai alasan untuk tidak berjaya. Beliau turut berpesan kepada diri beliau dan kawan-kawan di kampung agar belajar dengan bersungguh-sungguh serta berusaha untuk meningkatkan pendidikan serta taraf hidup masyarakat orang asli.

Diawal pembangunan UKM, sekitar tahun 1970-an, tapak kampus UKM adalah penempatan asal masyarakat orang asli. UKM terhutang budi dengan jasa keseluruhan orang asli yang sanggup dipindahkan demi melihat sebuah universiti kebangsaan yang memartabatkan Bahasa Melayu dibangunkan di Malaysia.

Pelajar Baharu UKM Sesi Akademik 2017-2018

UKM Pilihan Pelajar Terbaik STPM Kategori OKU



"Selepas saya mengetahui bahawa UKM mempunyai bidang pendidikan khas, saya terus memilih UKM sebagai pilihan pertama."
– Abdul Hakim Abd Majid

Abdul Hakim Abd Majid, 19, yang mengalami masalah pendengaran sejak lahir tidak menjadikan kecacatan itu sebagai halangan kepada beliau untuk menjadi seorang pendidik suatu masa kelak. Abdul Hakim merupakan pelajar terbaik Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2017 bagi kategori Orang Kurang Upaya (OKU) dan memperolehi Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.85 memilih UKM sebagai universiti pilihan pertama bagi melanjutkan pengajian di peringkat ijazah pertama.

Menurutnya, di UKM ada menawarkan bidang pendidikan khas dan itu membuatkannya terus memilih UKM sebagai pilihan pertama. Abdul Hakim berkata, hendak belajar di UKM tidak mudah dan perlu melalui beberapa tapisan. Oleh itu, ramai calon akan berusaha untuk buat yang terbaik, dan bagi beliau pelajar-pelajar yang dapat ke UKM adalah pelajar-pelajar yang terpilih.

Ujarnya lagi, untuk menjadi seorang pendidik, seseorang itu perlu banyak bersabar terutamanya guru pendidikan khas kerana ia perlu mempunyai tahap kesabaran yang tinggi dalam mengendalikan kanak-kanak istimewa. Ini adalah satu cabaran kepada beliau dalam mendidik anak bangsa kelak. Walaupun beliau mengalami masalah pendengaran, tetapi beliau lebih cenderung untuk mendidik anak-anak yang mempunyai masalah autism.

Ibu Hakim, Ani Fadzilah Mat Han bersyukur kerana anak keduanya itu diterima masuk ke UKM. Menurutnya, Hakim adalah seorang yang berdikari, walaupun sebelum ini Hakim bukanlah seorang pelajar cemerlang, tetapi semangatnya untuk belajar tidak pernah padam dan dia tidak menjadikan kecacatannya sebagai penghalang untuk berjaya. Harapannya sebagai seorang ibu adalah agar cita-cita anaknya untuk menjadi seorang guru tercapai suatu hari nanti.

Pada pengambilan pelajar baharu tahun ini UKM turut menerima tiga pasangan kembar melanjutkan pengajian di sini. Mohammad Noriman Masri dan Mohammad Noramin Masri yang kedua-duanya ditawarkan di Fakulti Pengajian Islam menganggap kejayaan mereka menempatkan diri di UKM adalah sesuatu yang luar biasa. Mohammad Noriman dan Mohammad Noramin kedua-duanya melanjutkan pengajian dalam program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian dalam bidang Al-Quran dan Al-Sunnah.



Jaringan Strategik

UKM Miliki Pusat Perniagaan dan Ekonomi Digital Terkemuka di Asia

Pusat Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GLoBDE), yang ditubuhkan di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) UKM adalah yang pertama di Asia. Pusat ini diwujudkan untuk menjana dan menggalakkan pengetahuan terkini dalam meningkatkan teknologi baharu dan amalan terbaik dalam perniagaan global dan ekonomi digital. Pro Naib Canselor Strategi dan Pembangunan Korporat, Prof. Dr. Ishak Yussof berkata, fungsi pusat ini adalah untuk menyediakan aktiviti seperti forum perkongsian pengetahuan, ceramah umum untuk menyatukan disiplin yang berbeza di seluruh universiti dan menjangkau komuniti perniagaan merentasi sektor GloBDE. GLoBDE yang ditubuhkan pada 1 Jun 2018 telah berkembang sebagai pusat penyelidikan dan latihan terkemuka di Malaysia, Asia dan antarabangsa.

Prof. Dr. Ishak menjelaskan rangkaian lanjutannya termasuklah pemimpin, pengamal dan pembuat dasar, iaitu dengan mana-mana entiti yang diyakini dalam membangun rangkaian penyelidikan berimpak tinggi. Rangkaian lanjutan ini merangkumi pelajar pasca-siswazah yang memberi tumpuan kepada penyelidikan akademik yang berorientasikan penghasilan output.

Satu majlis pertukaran dokumen MoU dan MoA dengan Multimedia Development Corporation (MDEC), Sutherland Global Services, Eastreem dan AutoCount telah diadakan bagi menunjukkan komitmen dan sokongan UKM kepada program GloBDE dan juga mengukuhkan kerjasama dengan pihak industri. Prof. Dr. Ishak berharap melalui MoU dan MoA ini, pihak industri akan dapat memperkayakan graduan dengan pengalaman kerja dalam mencapai matlamat untuk menghasilkan graduan yang cemerlang dengan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi di negara ini.

Sumbangan Zakat

HCTM Terima RM1.25 juta daripada Lembaga Zakat Selangor

Ehsan dari Bahagian Komunikasi Korporat KKL



Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), UKM menerima Sumbangan Tabung Kebajikan Pesakit Hospital (TKPH) Lembaga Zakat Selangor (LZS) Fasa II/2018 yang bernilai RM1.25 juta. Sumbangan zakat itu adalah keseluruhan bagi tahun 2018, iaitu RM250,000 bagi Fasa 1 dan RM1 juta untuk Fasa 2.

Dana tersebut akan disalurkan untuk membantu pembiayaan kos peralatan dan ubat-ubatan bagi pesakit-pesakit Islam Selangor yang tidak berkemampuan dan mendapatkan rawatan di HCTM. Sumbangan dan kerjasama erat pihak hospital melalui Jabatan Kerja Sosial Perubatan, HCTM dengan LZS yang terjalin sejak lebih 10 tahun lalu telah banyak membantu dari segi kos perubatan pesakit di HCTM.

Jabatan Kerja Sosial Perubatan HCTM dipertanggungjawabkan menyelaras segala bentuk bantuan yang disalurkan kepada pesakit yang menerima rawatan di HCTM mengikut kelayakan yang telah ditetapkan. Sehingga kini, keseluruhan dana terkumpul untuk Tabung Kebajikan Pesakit HCTM dianggarkan sebanyak RM5 juta. Pada tahun ini sahaja dianggarkan lebih 450 orang pesakit telah diberikan bantuan kos perubatan daripada Tabung Kebajikan Pesakit di HCTM.

Pengarah HCTM, Prof. Dato' Dr. Hanafiah Harunarashid telah hadir menerima serahan zakat tersebut yang disampaikan oleh DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin. Sebanyak 18 buah hospital lain di sekitar Selangor turut menerima sumbangan tersebut.



Penyelidikan Berimpak

Penyelidik UKM Temui Rangka Manusia Prasejarah






Rangka manusia prasejarah yang hampir lengkap yang dianggarkan berumur 6,000 hingga 8,000 tahun lalu telah ditemukan oleh sekumpulan penyelidik dari Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM bersama penyelidik-penyelidik dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Jabatan Warisan Negara (JWN) di Gua Chawan, Lembah Nenggiri, Ulu Kelantan. Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Datuk Mohamaddin Ketapi berkata, penemuan rangka manusia itu adalah penemuan yang penting bagi arkeologi negara kerana dapat memberi fakta baharu terhadap amalan pengkebumian dan budaya kehidupan zaman prasejarah di Malaysia. Rangka manusia itu ditanam dalam keadaan sedikit melipat dengan bahagian muka menghala ke arah utara, manakala bahagian lutut menghala ke bahagian selatan dan posisi rangka tersebut menghadap ke bahagian kanan.

“Hasil penyelidikan, dipercayai bahawa rangka ini adalah remaja perempuan yang berumur 25 hingga 30 tahun berdasarkan tulang pelvis rangka tersebut.”
– Datuk Mohamaddin Ketapi

Katanya, hasil penyelidikan, dipercayai bahawa rangka ini adalah remaja perempuan yang berumur 25 hingga 30 tahun berdasarkan tulang pelvis rangka tersebut. Ia dikebumikan dengan bahagian kaki dilapik dengan batu kapur serta bahagian kepala juga dilapikkan dengan batu kapur. Tangan kanan memegang makanan berupa siput serta alat repeh. Terdapat juga batu pengisar-memukul *(grandstone-pounder)* yang diletakkan di bahagian kaki sebagai alat iringan si mati, jelasnya pada Sidang Media baru-baru ini. Menurutnya lagi, sampel gigi dan cengkerang siput akan dihantar ke Beta Lab, Florida, Amerika Syarikat untuk memperoleh pentarikhan kronometrik. Antara artifak lain yang ditemui bersama rangka tersebut ialah alat litik, sisa makanan berupa tulang binatang, cengkerang siput, brutia costula dan serpihan tembikar. Alat litik yang ditemui termasuklah alat pengetuk *(hammerstone)*, alat batu pengisar *(grindstone)*, batu pelandas *(anvil)*, alat batu unifas, alat batu bifas, batu pahat, mata lembing dan repeh.

Sementara itu, Ketua Penyelidik, Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli dari ATMA UKM berkata, kawasan tersebut akan dibangunkan projek Empangan Nenggiri suatu masa nanti. UKM terlibat dengan projek ekskavasi menyelamat arkeologi di kawasan tersebut. Memang ada bukti kajian lepas menunjukkan masyarakat mendiami kawasan itu. Tambahnya lagi, data yang paling awal diperolehi mendapati pentarikhan di Gua Kecil dan Gua Kubang Kelawar di Bukit Batu Tambah menunjukkan bahawa masyarakat yang terawal tinggal di kawasan itu adalah 13,000 tahun lalu iaitu pada zaman Hoabinh, Mesolitik, Neolitik dan zaman logam hinggalah ke masyarakat orang asli sekarang yang ada di situ iaitu suku kaum Temiar. Beliau berkata, kajian tersebut tidak tertumpu di kawasan Gua Chawan sahaja tetapi merangkumi 12 gua dalam radius 20 kilometer persegi.



ASEAN@UKM

UKM Bersama 50 Pemimpin Belia ASEAN Kongsi Idea

Seramai 50 pemimpin belia ASEAN berkumpul di UKM selama seminggu untuk berbincang dan berkongsi idea mengenai inovasi bandar pintar melalui program *CIMB Young ASEAN Leaders (CYAL) 2018*. Program dengan tema *'Resilience and Innovation towards a Green, Prosperous Lifestyle: Smart City,'* bertujuan untuk melatih pemimpin muda ASEAN yang luar biasa untuk membangunkan kemahiran dalam membangunkan bandar-bandar pintar di rantau ASEAN.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan CIMB, Dato' Hamidah Naziadin berkata, program itu diadakan bagi membolehkan peserta bertukar-tukar idea, mengikuti pembelajaran dan pengalaman silang budaya dalam kalangan pemimpin belia ASEAN dan meningkatkan kualiti hidup rakyat ASEAN melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan. Program ini amat disokong oleh yayasan kerana melalui program ini peserta akan dapat menyumbang

CIMB YOUNG ASEAN LEADERS

kepada masyarakat, bukan sahaja di Malaysia tetapi di negara-negara ASEAN.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah berharap, semua peserta pemimpin belia ASEAN mengambil peluang menerokai kampus UKM dan membina hubungan yang baik sesama mereka. Tahun ini adalah tahun keempat Yayasan CIMB bekerjasama dengan UKM dalam menjayakan CYAL.

Peserta yang terlibat adalah terdiri daripada dua orang wakil dari Thailand, enam orang dari Vietnam, tiga orang dari Filipina, masing-masing lima orang dari Myanmar dan Kemboja, empat orang dari Laos, tiga orang dari Brunei Darussalam, lapan orang dari Indonesia, seorang dari Singapura dan tuan rumah Malaysia, 13 orang.



"Program ini adalah tentang kepelbagaian, idea dan pengalaman silang budaya"
– Dato' Hamidah Naziadin





UKM Cemerlang

Pakar Ortopedik UKM Menang Pingat Emas di China



My Ankle Fixator adalah inovasi terbaru yang dibangunkan oleh pakar ortopedik UKM untuk membantu pergerakan sendi buku lali yang mengalami kecederaan disebabkan kemalangan atau jangkitan kuman, termasuklah luka yang dialami oleh pesakit diabetis. Inovasi sendi buku lali ini telah dibangunkan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Yazid pakar Ortopedik Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM. Ciptaan ini telah memenangi pingat emas dan dua pingat perak di *The 10th Innovation Exhibition of Inventions and the 3rd World Invention and Innovation Forum 2018.* Beliau turut menerima anugerah khas dari Jerman dan Singapura.

My Ankle Fixator adalah besi yang diletakkan di bahagian luar bagi menggerakkan buku lali dalam keadaan tertentu. *Fixator* dapat menghalang buku lali daripada kaku selepas luka sembuh. *External fixator* yang ada dalam pasaran kebanyakannya adalah dalam bentuk statik (tidak boleh bergerak). Dalam tempoh tiga hingga empat bulan, kaki akan menjadi kaku kerana tidak ada pergerakan. Ia akan membuatkan pesakit akan susah bergerak dan menyebabkan berlakunya komplikasi lain. Satu inovasi telah dilakukan di mana *external fixator* ini boleh menggerakkan kaki dalam keadaan tertentu dan ia boleh digerakkan oleh pesakit itu sendiri dengan menukarkan keadaan kedudukan *fixator* tersebut. Sebagai contoh, apabila pesakit duduk dalam satu keadaan *neutral*, kedudukan *neutral* akan statik lebih kurang empat minggu. Selepas dua minggu, pesakit akan menggerakkan ke bahagian bawah, dan akan distatikkannya untuk tempoh dua minggu pula. Kemudian, pesakit akan naikkan pula *fixator* itu ke atas untuk tempoh dua minggu lagi. Jadi, setiap dua minggu itu akan ada pergerakan.

My Ankle Fixator telah mendapat pengesahan harta intelek (IP) dan telah digerankan pada bulan September 2018. Prof. Madya Dr. Mohd Yazid turut memberitahu bahawa harga *fixator* yang sedia ada di pasaran agak mahal iaitu antara RM2,000 hingga RM3,000. Beliau berharap *My Ankle Fixator* yang dihasilkan dalam tempoh dua tahun ini dapat dipasarkan dengan harga kurang daripada RM1,000. Ini merupakan salah satu usahanya untuk membantu masyarakat supaya mendapat rawatan yang optimum pada harga yang rendah.

"Saya mahu iktiraf diri saya sendiri melalui pertandingan ini." – *Muhammad Amiruddin Ismail*



UKM Cemerlang

Pelajar FSSK UKM Juara *Maxis Stars of What's Next*

Pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM, Muhammad Amiruddin Ismail telah dinobatkan sebagai johan dan telah mengalahkan 10 finalis lain dari Univeristi Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Tenaga Nasional, Monash University, HELP University, Universiti Teknologi Mara dan Brickfields Asia College. Muhammad Amiruddin berkata, beliau mengetahui tentang pertandingan itu semasa beliau menjalani latihan industri di syarikat tersebut (Maxis).

Muhammad Amiruddin Ismail pelajar tahun tiga Pengajian Bahasa Inggeris adalah Ketua Program Permata Interact, iaitu sebuah pertubuhan sukarelawan bagi membantu pelajar sekolah di bandar untuk belajar Bahasa Inggeris secara interaktif. Beliau terdorong untuk menyertai pertandingan ini kerana sebelum ini beliau banyak terlibat dalam pelbagai program, tetapi tidak pernah mendapat pengiktirafan. Jadi, beliau mahu iktiraf diri beliau sendiri melalui pertandingan ini.

Program Permata Interact ini adalah di bawah seliaan Program Permata dan disokong oleh 1M4U, British Council dan Machines. Beliau juga dibantu oleh sukarelawan yang kebanyakan terdiri daripada pelajar jurusan Bahasa Inggeris serta guru-guru dalam latihan. Sehingga kini lebih 40 sukarelawan yang terdiri daripada pelajar dari pelbagai Institusi Pendidikan Tinggi dan lebih 400 belia telah terimpak daripada program ini selama lebih 3 tahun.

Muhammad Amiruddin yang turut cemerlang dalam pelajaran dengan memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.84 memberitahu bahawa sekarang ini beliau sedang membangunkan *start-up* beliau sendiri dalam bidang *fintech*. Menurutnya, sekiranya berjaya, *start-up* beliau akan menjadi fokus utama selepas tamat pengajian. Beliau berharap usahanya ini berupaya membantu lebih ramai orang.

UKM@



DR. RAZMAN JARMIN (empat dari kiri) ketika merasmikan Hari Terbuka Unit Terapi Cara Kerja Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) Universiti Kebangsaan Malaysia, di Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Terapi cara kerja bantu pesakit kembali aktif

Kewujudan Unit Terapi Cara Kerja di hospital-hospital awam jarang disedari masyarakat, yang lazimnya ke hospital bagi mendapatkan rawatan apabila mengalami sakit atau sekadar menziarahi ahli keluarga yang berada di wad.

Hakikatnya, unit tersebut sebenarnya memberikan perkhidmatan rehabilitasi menyeluruh kepada pesakit yang memerlukan dengan menggunakan kaedah rawatan tertentu seperti aktiviti kefungsian dan modifikasi alatan serta persekitaran pesakit.

Justeru, bagi mendedahkan orang ramai tentang peranannya, Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) Universiti Kebangsaan Malaysia, baru-baru ini menganjurkan program Hari Terbuka sempena Hari Terapi Cara Kerja Sedunia.

Timbalan Pengarah Perkhidmatan Surgeri HCTM, **Prof. Datuk Dr. Razman Jarmin** berkata, program tersebut bagi menonjolkan perkhidmatan-perkhidmatan terapi cara kerja yang disediakan oleh unit tersebut.

Katanya, unit terapi berkenaan berperanan penting dalam proses rehabilitasi pesakit secara terperinci.

"Ia membantu pesakit mengadaptasi tentang cara hidup yang biasa dilakukan seperti belajar memakai baju atau menyediakan makanan yang tidak diajar oleh pihak perubatan yang lain.

"Dalam hal ini, aktiviti-aktiviti yang disediakan dilihat mampu meningkatkan kualiti hidup mereka, khususnya dalam aspek sosial," katanya pada majlis pelancaran Hari Terbuka Unit Terapi Cara Kerja HCTM, di Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.



DR. RAZMAN JARMIN mencuba salah satu terapi yang disediakan ketika Hari Terbuka Unit Cara Kerja HCTM.

Menurut Dr. Razman lagi, bagi membantu golongan yang memerlukan, unit terapi tersebut bukan sahaja menyediakan sesi latihan untuk pesakit, bahkan melibatkan persekitaran mereka, meliputi keluarga dan adik-beradik pesakit.

Misalnya, tentang bagaimana untuk melayan dan mengurus kanak-kanak istimewa, mahupun pesakit kelainan upaya yang melibatkan elemen pendidikan berterusan kepada pesakit dan keluarga.

Beliau berkata, secara umumnya, unit terapi cara kerja ini menawarkan perkhidmatan yang terbahagi kepada tiga terapi disiplin, iaitu disiplin kanak-kanak (pediatrik), pesakit mental (psikiatrik) dan disiplin orang dewasa.

"Kemudahan ini boleh dinikmati pesakit yang telah memperoleh surat pengesahan daripada doktor dan memberikan rujukan tersebut kepada kakitangan unit ini.

"Penilaian akan dijalankan bagi mengenal pasti masalah dan merancang perawatan yang bersesuaian mengikut keadaan pesakit," katanya.

Sementara itu, Hari Terbuka sempena Hari Terapi Cara Kerja, merupakan usaha advokasi, di samping menyokong dan menghargai profesion jurupulih cara kerja di UKM.

Ia juga menjadi platform kepada ahli terapi cara kerja untuk menyebarkan informasi perkhidmatan secara terbuka kepada semua peringkat pengunjung. - **SITI NUR ZURAIKHA YAACOB**

Utusan Malaysia - 16 Oktober 2018



ABDUL NAZIR MOHAMED

PARA graduan menerima penganugerahan masing-masing pada Majlis Konvokesyen UKM ke-46 di Bangi semalam.



SUASANA pada Majlis Konvokesyen UKM Selangor semalam.

Azhar, Norsidah sukses tempuh cabaran tam

Suami isteri terim

Oleh NORAINI HASSAN BASRI

BANGI – Sepasang suami isteri sekali lagi merakam detik bahagia dalam ikatan perkahwinan mereka apabila masing-masing berjaya menggenggam Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) pada Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-46 di sini semalam.

Pasangan tersebut, Azhar Mohd. Isa, 42, dan Norsidah Jilani, 41, yang merupakan pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menamatkan pengajian dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.89 dan 3.78..

Menurut Azhar, dia dan isteri mengambil keputusan untuk menyambung pengajian selepas 16 tahun menamatkan ijazah sarjana muda dalam jurusan sama di Universiti Putra Malaysia.

"Banyak cabaran yang ditempuhi sepanjang melanjutkan pengajian secara sepenuh masa di UKM terutamanya untuk membahagikan masa antara menguruskan keluarga dan belajar.

"Bagaimanapun, hasil sokongan dan bantuan keluarga akhirnya kami berdua berjaya menamatkan pengajian bersama-sama," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Konvokesyen UKM ke-46 di sini semalam.

Mohd. Azhar memberitahu, dia kini berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi manakala isterinya merupakan Penolong Pengarah Kanan di Jabatan Pendidikan Selangor.

"Kami bercadang untuk meneruskan pengajian di peringkat doktor falsafah selepas ini," ujarnya.

Dalam
radik ia
Mazni A
MBA pa
but.

Menur
pengajia
tinya m
dia sert
mengatu
ja dan pe

"Mem
ketika m
berikan
kami tid
kerja pa

Merek
masing
Pro-Can
Puteri
Halim M

Seram
ijazah m
vokesyer
jak 10 No

Visually-impaired Al-Amril's 12-year journey to obtain PhD

BANGI: Being visually impaired since young did not dampen Dr Al-Amril Othman's spirit to pursue and complete his PhD in History at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

The 49-year-old from Perak was among those who received their scrolls at the university's 46th convocation yesterday.

The four-day ceremony, from yesterday to Tuesday, will see 7,021 students receiving their scrolls and awards.

He said despite many challenges and obstacles throughout his 12-year journey towards gaining his PhD, he was determined to complete his studies.

"There were a lot of challenges [illegible] faced throughout these 12 years. But the support and help from those at UKM, as well as family and friends, have brought me to this stage.

"Throughout this journey, while being a lecturer at this campus, I have students assisting me in searching for information and transcribing research materials.

"The computer where I did most of my work was specialised and formatted for me so that I can complete my work with ease.

"I am grateful, happy and proud of this achievement despite having difficulty seeing everything," he said told the New Straits Times Press at the ceremony.

A total of 1,120 students graduated on the first day of the ceremony yesterday.

Among them, two top students with a cumulative grade point average of above 3.5 received the special award, Anugerah Pelajaran Di-Raja.

They are Sharifah Fatimah Syed Mahusin from the Islamic Faculty and Jason Cheong Kah Lok from the Law Faculty.

Cheong, 24, who graduated with a Degree in Law, said he was honoured to be given the Royal Education Award.

He said his mother and late father were his motivation.

"First of all, I want to thank my mother, who has been there for me, even though my father is no longer around.



PhD graduate Dr Al-Amril Othman with his wife, Suzalyna Ab (left), and his father, Othman Hasyim, at Universiti Kebar Malaysia's 46th convocation in Bangi yesterday.

"She is my pillar of strength and if not for her, and my late father, I would not be here to graduate and make them proud.

"There were a lot of criteria to get this award. It needs patience, passion and perseverance in p something.

"I was also involved in ricular activities. That is wh my scores from, apart fr studies."

The New Straits Times - 11 November 2

@Media





NUR AMRINA (kiri) bersama kakaknya, Nor Mazni pada Majlis Konvokesyen UKM ke-46 di Bangi semalam.

atkan pengajian MBA di UKM

a ijazah

pada itu, dua orang adik-be-
itu Nur Amrina, 26, dan Nor
Abdullah, 28, turut menerima
ada majlis konvokesyen terse-

ut Nor Mazni, menyambung
n secara separuh masa semes-
emberikan cabaran getir buat
a adiknya apabila perlu bijak
r masa sebagai seorang peker-
elajar dalam masa yang sama.
ang meletihkan terutamanya
menyiapkan tugasan yang di-
oleh pensyarah. Ada kalanya
ak tidur malam dan terus pergi
da keesokan harinya," ujarnya.
a menerima ijazah masing-
yang disampaikan oleh Tunku
selor UKM, Tan Sri Tunku
Intan Safinaz Sultan Abdul
u'adzam Shah.
ai 7,021 graduan menerima
asing-masing pada majlis kon-
n tersebut yang berlangsung se-
ovember lalu hingga semalam.



AZHAR dan isterinya, Norsidah pada Majlis Konvokesyen UKM ke-46 di Bangi semalam.

Kosmo - 14 November 2018

Rangka remaja 8,000 tahun

■ *Artifak prasejarah turut dijumpai di Gua Chawan bongkar amalan pengebumian lama*

Syalikha Sazli
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Rangka manusia prasejarah yang hampir lengkap berusia antara 6,000 hingga 8,000 tahun ditemui di Gua Chawan, Lembah Nenggiri di Kelantan pada 2 November lalu.

Rangka prasejarah dipercayai seorang remaja perempuan itu ditemui penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama sekumpulan penyelidik sejarah.

Ia membabitkan pegawai dan kakitangan bahagian Arkeologi, Jabatan Warisan Negara (JWN), penyelidik Jabatan Sejarah dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi berkata, selain rangka manusia, turut ditemui artifak lain semasa proses ekskavasi arkeologi di kawasan itu.

Berdasarkan kajian, artifak ditemui antaranya alat litik, sisa makanan berbentuk tulang haiwan, cengkerang siput, brutia costula serta serpihan tembikar tanah.

"Penemuan rangka manusia prasejarah Gua Chawan, Lembah Nenggiri ini jumpaan penting bagi arkeologi negara kerana dapat memberi fakta baru terhadap amalan pengebumian dan budaya kehidupan zaman prasejarah di Malaysia.

"Rangka manusia ini ditanam dalam keadaan sedikit terlipat dengan bahagian muka menghala ke utara manakala bahagian lutut ke arah selatan.

"Menurut Jabatan Warisan Negara, rangka ini dipercayai remaja perempuan berdasarkan tulang pelvis yang dijumpai," katanya pada sidang media jumpaan rangka manusia prasejarah dan artifak arkeologi di Gua Chawan, Ulu Kelantan di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah JWN, Datuk Dr Zainah Ibrahim.

Mohamaddin juga berkata, rangka terbabit dibawa keluar dari Gua Chawan pada 10 November lalu dan kini ditempatkan di makmal konservasi JWN bagi kerja merekod dan pemuliharaan.


"Kerja terbabit dijangka akan mengambil masa 60 hari sehingga selesai merangkumi pengambilan sampel, merekod, pembersihan, rekod tarikh, pencantuman, pengawalan kelembapan dan suhu serta repositori.

"Segala jumpaan di tapak ini cukup bermakna bagi merungkai budaya masyarakat primitif dan kehadiran manusia prasejarah di sepanjang gugusan gua kompleks batu kapur Lembah Nenggiri, Ulu Kelantan.

"JWN dengan kerjasama kerajaan negeri Kelantan akan memastikan penemuan ini dijadikan bahan rujukan penting warisan negara serta dapat dipamerkan untuk tontonan masyarakat," katanya.

Sementara itu, Zainah berkata, satu bangunan warisan dibangunkan di Gua Musang untuk pameran artifak ini.

"Bangunan warisan itu mungkin dibina pada 2020 dan mengambil masa dua hingga empat tahun sebelum ia dibuka kepada umum," katanya.



RANGKA remaja perempuan yang ditemui di Gua Chawan, Lembah Nenggiri pada 2 November lalu.



"Rangka ini dipercayai remaja perempuan berdasarkan tulang pelvis yang dijumpai"
Mohamaddin

Harian Metro - 18 Disember 2018

'Ke England' belajar bahasa Inggeris

Program BRAVE-HEARTs 2018 guna pendekatan menyeronokkan

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Bangi

Program *Bringing Real Activities Via English Hands-On Experience and Rewarding Tasks (BRAVE-HEARTs)* berupaya menjadi aktiviti pembelajaran di luar bilik kuliah yang mampu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Timbalan Pengarah (Komunikasi) Pusat Citra Universiti (Citra UKM), Prof Madya Dr Zarina Othman, berkata program tahunan itu bertujuan menggalakkan minat pelajar menggunakan bahasa itu dalam komunikasi seharian mereka seterusnya meningkatkan keyakinan diri masing-masing.

Beliau berkata, pelbagai aktiviti disediakan dengan memfokuskan pendekatan menyeronokkan selain kesedaran mengenai fungsi bahasa Inggeris serta perbendaharaan kata yang dijadikan inti pati dalam program terbabit.

"Setiap pelajar mempunyai keunikan tersendiri, oleh itu, pembelajaran bahasa yang berkesan bergantung kepada minat mereka.

Amalan wajib

"Untuk mendalami atau menguasai bahasa Inggeris memerlukan tahap keyakinan diri yang tinggi, bukan sikap rendah diri kerana takut tersasul atau tersalah penggunaan tatabahasa yang menjadi faktor penghalang seseorang untuk fasih dalam bahasa antarabangsa itu.

"Di sinilah, tanggungjawab penganjur untuk meningkatkan keyakinan diri mereka (pelajar) seterusnya menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang mudah digunakan walau di mana mereka berada," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Program *BRAVE-HEARTs* 2018 mengetengahkan konsep *immersion* seperti 'Jika kami (guru) tidak dapat membawa anda ke England, kami akan bawa negara itu untuk anda'.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program *BRAVE-HEARTs 2018* adalah *Sing It Right, Pitch It Right; Crossed Line dan Readers* Theather.

Zarina berkata, selain beberapa program yang dianjurkan, turut menjadi amalan wajib setiap tahun adalah memperkenalkan konsep *Kampung Inggeris* dengan memfokuskan pemahaman budaya dan fizikal Inggeris bertujuan membantu pelajar untuk merasai suasana sebenar berbahasa Inggeris.

"Pendekatan ini diterapkan melalui pelajar yang perlu mewujudkan suasana *Kampung* dengan Landskap Bahasa Inggeris, rumah Inggeris; kafe, pasar dan pemakaian kostum Inggeris.

"Faktor efektif juga menjadi satu daripada aspek yang perlu dipertingkatkan di luar persekitaran pembelajaran formal sejajar dengan usaha Kementerian Pendidikan (KPM) meningkatkan kemahiran generasi muda dalam berbahasa Inggeris," katanya.

[FOTO SADDAM YUSOFF / BH]



Pelajar UKM menyertai *Program Brave-Hearts di UKM, semalam.*

Berita Harian - 29 November 2018

48 TAHUN UKM MENJULANG NEGARA DI PERSADA ANTARABANGSA

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS®

10 YEARS MALAYSIAN RESEARCH UNIVERSITIES

MALAYSIAN RESEARCH UNIVERSITIES ARE TOP 1% IN THE WORLD

UKM

ANTARA UNIVERSITI 1% TERBAIK DI DUNIA

UKM mencatatkan peningkatan tertinggi dalam kalangan universiti di Malaysia, dalam Penarafan Dunia *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings (Top 200)* 2018/2019 iaitu berada pada kedudukan ke-184.



43

QS UNIVERSITY RANKINGS™ ASIA

dalam ***QS University Rankings Asia*** **2018**

55
2017

56
2016

UKM melonjak 12 anak tangga dari kedudukan 55 pada tahun 2017 ke kedudukan 43 pada tahun 2018.

Pusat Komunikasi Korporat
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
+603 8921 5540/3370/4142 +603 8921 4097

pkk@ukm.edu.my
UKMOfficial
ukm_my
ukminsta
ukmtubes

PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT • UKM
ISSN 0127-1741
9 770127 174007